


# Jurnal Inspirasi Seni Intelektual

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka

Julai 2019

ISSN : 2637-0115



## **Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran**

### **Rekabentuk Kearah Inovasi**

*Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof  
& Nurkhazilah Idris*

## **Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio Budaya: A' Famosa, Melaka**

*Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD)  
& Azahar Harun (PhD)*

## **Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk Masjid Tengker Melaka**

*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)  
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

## **Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru dalam Fotografi**

*Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias*

## **Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekorasi Wanita Tempatan**

*Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,  
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

## **Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi 'Pertarungan Hang Tuah dan Cin Cu'**

*Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrin Effendi*

## **Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : "Uniti-Keris"**

*Rosli Zakaria (PhD)*

## **Buku Kerja atau "Workbook" Lakaran Idea Pelajar**

*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin  
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

## **'Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop**

*Azahari Haji Khalip*

## **Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu Pada Tahun 2009 Hingga 2014**

*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah  
& Mohd Fauzan Mat Sari*

## **Zunar dan Kartun**

*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki  
Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)*

## **Modul Asas Pembuatan Sandal**

*Ibrahim Othman*



Foto oleh:  
Wan Nur Khalisah Shamsudin

**Jurnal**  
**Inspirasi Seni Intelektual**  
Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka  
Julai 2019  
ISSN : 2637-0115



Copyright 2019 by Faculty of Art & Design (FSSR)  
Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, 78000  
Alor Gajah, Melaka.

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Penerbitan FSSR, UiTM Cawangan Melaka terlebih dahulu.

All right reserved. No part of this publication may be reproduced or transmitted in any form or by any means, electronic or mechanical, including photocopy, recording, or any information storage and retrieval system without permission in writing from the Penerbit FSSR, UiTM Cawangan Melaka.

Diterbitkan di Malaysia oleh / Published in Malaysia by  
PENERBIT FAKULTI SENI LUKIS & SENI REKA  
(FSSR),  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN  
MELAKA,  
JALAN LENDU, 78000 ALOR GAJAH,  
MELAKA, MALAYSIA  
Tel : +606 558 2000.

**Atur Huruf oleh / Typeset by**  
Wan Nur Khalisah Shamsudin  
Dr Liza Marziana Mohammad Noh  
Nurkhazilah Idris

**Reka bentuk kulit dan buku oleh**  
Wan Nur Khalisah Shamsudin  
E-mail : wnkhalisah@gmail.com

**Ahli Jawatankuasa Jurnal**  
Dr Liza Marziana Mohammad Noh  
Wan Nur Khalisah Shamsudin  
Wan Nur Ayuni Wan Mohd Zain  
Shafirah Shaari  
Nurkhazilah Idris

## **Penerbitan Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Cawangan Melaka**

---

### **Penaung**

Prof Madya Datuk Sabariah Hj Mahat  
Prof Madya Dr Ismadi Badarudin  
Prof Madya Dr Shafinar Ismail

### **Penasihat**

Prof Madya Dr Azahar Harun

### **Ketua Editor**

Dr Liza Marziana Mohammad Noh

### **Editor**

Wan Nur Khalisah Shamsudin  
Nurkhazilah Idris

### **Pereka Grafik**

Wan Nur Khalisah Shamsudin

### **Reviewer**

Prof Madya Dr Azahar Harun  
Dr Rosli zakaria  
Dr Nadzri Mohd Sharif  
Dr Haslinda Abd Razak  
Dr Liza Marziana Mohammad Noh  
Dr Sharmiza Abu Hassan

# Prakata

---

Bismillahirraahmaniraahim.  
Assalamualaikum WB.T.

Setelah tertangguh selama hampir setahun, akhirnya Jurnal ISI (INSPIRASI, SENI, INTELEKTUAL) keluaran kedua dapat diterbitkan. Penangguhan ini berlaku kerana kami menghadapi kesukaran untuk mendapatkan makalah daripada penyumbang meskipun jurnal ini hanya diterbitkan sekali setahun.

Namun begitu, walauapapun kekangannya, kami selaku Ahli Jawatankuasa Penerbitan Jurnal tetap akan berusaha untuk menerbitkan sebuah jurnal secara berterusan demi mewujudkan tamadun ilmu seni yang merangkumi teori dan praktis seni dan budaya. Pastinya kelangsungan dan keunggulan jurnal ini amat bergantung kepada penyumbang-penyumbang makalah yang terdiri dari ahli cendiakiawan dan sarjana seni dan budaya yang menyajikan pelbagai ilmu kepada anak bangsa kita. Penerbitan seperti ini harus dilakukan sebagai rujukan untuk peminat dan pengkaji seni supaya mereka dapat menyambung usaha dalam melestarikan ilmu-ilmu seni dan budaya kepada masyarakat.

Jurnal ISI ini membicarakan isu dan pemikiran dalam bidang-bidang kesenian berdasarkan penyelidikan akademik. Oleh itu, jurnal ini merupakan wadah penyampaian dalam membincangkan teori dan praktis seni daripada pelbagai disiplin atau pendekatan seni berdasarkan kajian atau penyelidikan secara berilmiah.

Sesungguhnya, penerbitan jurnal ini membuktikan iltizam Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka UiTM Melaka untuk terus memainkan peranannya dalam mengembangkan perkembangan intelektual kesenian di Malaysia dan seterusnya merangsangkan wacana ilmu dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Oleh

**Dr. Liza Marziana Mohammad Noh**

Ketua Editor

Jurnal Inspirasi, Seni, Intelektual

# Isi Kandungan

**i** Prakata

**ii** Isi Kandungan

**1** **Rekabentuk Kenderaan: Pemikiran  
Rekabentuk Kearah Inovasi**  
Muhammad Hasri Abdul Rahim, Wan Zaiyana Mohd Yusof  
& Nurkhazilah Idris

**11** **Kajian Kesan Tapak Warisan Sejarah Dunia UNESCO Sebagai  
Lokasi Perlancongan Terhadap Sosio-Budaya: A' Famosa, Melaka**  
*Musaddiq Mohamad Khalil, Amer Shakir Zainol (PhD) & Azahar Harun (PhD)*

**16** **Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk  
Masjid Tengker Melaka**  
*Nurkhazilah Idris, Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)  
& Muhammad Hasri Abdul Rahim*

**26** **Digital Photogram: Pengenalan Teknik dan Aplikasi Baru  
dalam Fotografi**  
*Dona Lowii Madon, Raziq Abdul Samat & Aidah Alias*

**34** **Gagasan Melayu Dalam Seni Catan Dekoratif Wanita Tempatan**  
*Liza Marziana Mohammad Noh (PhD), Nurkhazilah Idris,  
& Khairunnisa Mohd Abdul Ghani*

**44** **Menelusuri Pembentukan Karya Bertemakan Hikayat  
Hang Tuah – Kajian Tipografi & Ilustrasi ‘Pertarungan  
Hang Tuah dan Cin Cu’**  
*Fadly Mohamed Sharif & Walid Muhammad Syafrein Effendi*

**53** **Pembinaan Arca Awam Di Putrajaya : “Uniti-Keris”**  
*Rosli Zakaria (PhD)*

**64** **Buku Kerja atau ‘Workbook’ Lakaran Idea Pelajar**  
*Wan Nur Khalisah Shamsudin, Anith Liyana Amin Nudin  
& Lili Eliana Mohd Radzuan*

**71** **‘Dinding Grafiti...Tarian Robot...Pudu Jail Ke Zaman Hip Hop**  
*Azahari Khalip*

**81** **Keindahan Ukiran Kayu Pada Mimbar Masjid Terengganu  
Pada Tahun 2009 Hingga 2014**  
*Noor Hafiza Ismail (PhD), Azni Hanim Hamzah  
& Mohd Fauzan Mat Sari*

**96** **Zunar dan Kartun**  
*Noorhazalen Saad, Shaliza Dasuki  
Liza Marziana Haji Mohammad Noh (PhD)*

**105** **Modul Asas Pembuatan Sandal**  
*Ibrahim Othman*



## Konsep Tauhid Sebagai Analisa Kontekstual Dalam Reka Bentuk Masjid Tengker Melaka

---

*Nurkhozilah Idris*

*Liza Marziana Mohammad Noh (PhD)*

*Muhammad Hasri Abdul Rahim*

### **Abstrak**

Artikel ini mengupas mengenai keindahan konsep tauhid yang merupakan tunjang kepada perkembangan idea dalam reka bentuk kesenian Islam yang secara langsung menjadi identiti warisan kebudayaan masyarakat Melayu. Konsep tauhid adalah merangkumi analisa kontekstual dan diikuti dengan analisa formalistik yang turut menyentuh kepada kajian perkembangan idea melalui empat proses kreatif iaitu imitasi alam semula jadi, stilisasi alam semula jadi, penyesuaian alam semula jadi, serta abstraksi alam semula jadi yang bertindak sebagai kerangka teori dalam kajian analitikal ini. Ia juga berperanan sebagai mekanisme penjaanaan model identiti bagi gaya reka bentuk seni bina masjid di negeri Melaka dengan mengangkat Masjid Tengker sebagai subjek kajian utama. Diharapkan penyelidikan ini menjadi medium pencerahan dalam mengetengahkan ideologi Islami sebagai teori asas pemahaman gaya dan apresiasi seni tradisional Melayu nusantara.

**Kata kunci :** Konsep tauhid, kontekstual, reka bentuk, Masjid Tengker Melaka.

## Pengenalan

Artikel ini mengupas mengenai keindahan konsep tauhid yang merupakan tunjang kepada perkembangan idea dalam reka bentuk kesenian Islam yang secara tidak langsung menjadi identiti warisan kebudayaan masyarakat Melayu.

Secara amnya, kedatangan Islam ke alam Melayu iaitu sekitar abad kesembilan bukan sahaja berperanan menjadi faktor perubahan terhadap kehidupan sosial, malah ia turut memberi impak dalam mengubah corak pemikiran, jiwa dan rohani masyarakat Melayu.

Bermula dari abad keempat belas dan seterusnya, agama Islam telah menjadi nadi budaya Melayu dan mendominasi perspektif masyarakat nusantara yang mengamalkan ajarannya. Fakta ini jelas digambarkan oleh Sulaiman Esa (1992) yang mengatakan bahawa:

*"The spirit of Islam has deeply infused and suffused the philosophy and the various forms of Malay culture whose development are based on Islamic concepts such as Divine Unicity, Lordship and Vicegerency. Axiologically, Islam also promotes such virtues as sancity, purity and sublimity".*

Melalui pemerhatian ahli falsafah Islam iaitu, Syed Muhammad Naquib al-Attas (1984) turut menyatakan bahawa selepas kedatangan Islam di nusantara yang dibawa oleh faktor perdagangan masyarakat Melayu serantau telah mula menggantikan pemahaman-pemahaman terdahulu terutamanya animismi kepada ideologi Islam yang lebih rasionalisme dan naturalistic

*"...concepts of God, Being, Existence, Time, Religion, Man, the Self and Will reveal the great changes that have occurred in the Malay-Indonesian world view caused by Islamic elements. The animistic elements in the old view...have been supplanted by rationalistic elements involving an atomistic, dynamic universe".*

Berdasarkan pernyataan di atas, ia jelas memperlihatkan bahawa falsafah Islam menerusi konsep tauhid telah diharmonikan dalam rumpun masyarakat Melayu yang secara langsung memberi suntikan kepada perkembangan idea dan reka bentuk seni bina di nusantara menerusi proses Islamisasi. Oleh yang demikian, tunjang pemikiran masyarakat Melayu yang berlandaskan ajaran Islam iaitu konsep tauhid berfungsi sebagai kerangka teori dalam kajian analitikal ini. Selain itu, konsep tauhid ini turut berperanan sebagai mekanisma penjana model identiti bagi gaya reka bentuk seni bina masjid di negeri Melaka dengan mengangkat Masjid Tengkeria sebagai subjek kajian utama.

Melihat kepada kajian formalistik dan kontekstual yang dijalankan mendapati bahawa elemen estetika reka bentuk seni bina Masjid Tengkeria ini berlatar belakangkan sentuhan keindahan dari variasi multi kebudayaan di Malaysia. Ini diperlihatkan melalui garapan ragam hiasawan larat pada ukiran kayu dan gaya dekoratif ornamen pada medium jubin. Terdapat juga kewujudan spektrum seni deco pasca-modernisme yang terbit dari kesan penjajahan masyarakat Barat yang jelas dapat dilihat menerusi sisipan penggunaan medium bata untuk struktur konkrit pada reka bentuk seni bina Masjid Tengkeria ini. Disamping itu, aplikasi media plaster untuk kemasan pada



dekorasi dinding turut dikenalpasti pada reka bentuk seni bina masjid ini. Keunikan artistik elemen-elemen reka bentuk seni bina ini adalah merupakan simbol ikonik kepada mercu tanda seni bina tradisional Melayu di negeri Melaka yang bukan sahaja menjadi tarikan kepada para pelancong yang berkunjung malah turut terkandung sejarah dan keharmonian budaya yang tersimpan didalamnya. Sorotan dari itu maka tidak hairanlah mengapa Masjid Tengkeri di negeri Melaka ini mendapat pengiktirafan sebagai sebahagian daripada tapak warisan Negara.

Diharapkan kajian penggunaan konsep tauhid ini menjadi medium pencerahan dalam mengetengahkan ideologi Islami sebagai teori asas pemahaman gaya dan apresiasi seni tradisional Melayu nusantara. Pada masa yang sama, turut berperanan sebagai mekanisma penjana model identiti bagi gaya reka bentuk seni bina masjid di negeri Melaka dengan kupasan berkenaan aspek-aspek keindahan estetika yang terkandung dalam proses pembangunannya.

### **Kaedah Kajian: Konsep Tauhid Dalam Kesenian Islam**

Paksi utama dalam elemen kontekstual ideologi konsep tauhid adalah, "Pengejawantahan Ke-esaan pada bidang keanekaragaman yang merefleksikan Ke-Esaan Illahi, kebergantungan keanekaragaman kepada Tuhan Yang Maha Esa, kesementaraan dunia dan kualitas-kualitas positif dari eksistensi kosmos atau makhluk sebagaimana difirmankan oleh Allah SWT dalam Al-Qur'an (Nasr, 1993: 18).

Berdasarkan kepada pernyataan berkenaan, kesenian Islam dalam

konsep tauhid dapat diistilahkan sebagai seni yang menterjemahkan nilai pengabdian kepada Allah S.W.T dan Al Quran sebagai panduan. Selain dari tu, menurut Muhammad Abdul Jabbar Beg (1981), turut mengukuhkan pendapat berkenaan dengan menyatakan bahawa:

"Suatu seni menjadi Islamis, jika hasil seni itu mengungkapkan pandangan hidup kaum Muslimin, yaitu konsep tauhid".

Melihat kepada pernyataan oleh Muhammad Abdul Jabbar di atas, kesenian Islam dalam konsep tauhid dapat diterjemahkan sebagai medium ekspresiajaran agama Islam yang menyatakan tentang kebesaran Allah S.W.T dan wahyu yang diturunkan dalam Al Quran adalah berfungsi sebagai pegangan manusia bagi menjalani kehidupan seharian di muka bumi.

Oleh yang demikian, dapat disimpulkan di sini bahawa fokus utama dalam penghasilan karya Islami dalam ideologi konsep tauhid adalah menitik beratkan elemen kontekstual yang mengangkat kesucian agama Islam yang seterusnya diterjemahkan dalam perkembangan idea reka bentuk formalistik.

Secara dasarnya, ekspresi ciri-ciri formalistik konsep tauhid dipengaruhi oleh aspek kebudayaan sekitar semasa pengkarya Islami menghasilkannya. Selain dari itu, inspirasi sumber alam semula jadi iaitu subjek-subjek dari flora dan fauna adalah merupakan nadi utama dalam proses pengolahan idea dalam reka bentuk seni Islam.

Proses perkembangan idea unsur-unsur flora dan fauna ini akan melalui proses kreatif iaitu imitasi alam semula jadi (*imitation of nature*), stilisasi alam

semula jadi (*stylization of nature*), penyesuaian alam semula jadi (*denaturalization of nature*) dan abstraksi alam semula jadi (*abstraction of nature*). Kesenian Islam yang mempunyai nilai estetika konsep tauhid yang tinggi adalah berdasarkan paparan pengolahan idea reka bentuk yang merangkumi keempat-empat proses kreatif telah dinyatakan tadi.

Objektif aplikasi proses kreatif dalam pengolahan idea adalah bertujuan menyatakan tentang kebesaran dan kebijaksanaan Allah S.W.T yang mustahil ditandingi oleh pengkarya Islami.

Disamping itu juga, secara formalistiknya, unsur-unsur penzahiran visual secara realistik dalam kesenian adalah bertentangan dalam sudut pandangan ajaran Islam. Agama Islam menolak segala bentuk penjelmaan atau penyamaan Ilahi dan para rasul utusanNya dengan sebarang bentuk ciptaan alam semula jadi serta imej-imej yang melibatkan ikonik keagamaan.

## Analisa

Penulisan analitikal ini meneroka keindahan gaya reka bentuk seni bina masjid Tengker di negeri Melaka yang merupakan subjek utama kajian ini dengan aplikasi kerangka teori asas pemahaman gaya dan apresiasi seni Islami iaitu konsep tauhid. Selain daripada itu, kupasan berkenaan aspek-aspek keindahan estetika yang terkandung dalam proses pembinaan Masjid Tengker ini juga akan ditonjolkan sebagai mekanisma penjana model identiti bagi gaya reka bentuk seni bina masjid di negeri Melaka.

Faktor pemilihan Masjid Tengker sebagai subjek utama dalam kajian ini adalah kerana nilai keunikan dan keindahan seni binanya yang

memperlihatkan elemen ragam hias Awan Larat pada ukiran kayu yang merupakan simbol ikonik warisan seni bina masjid di negeri Melaka. Menurut Syed Ahmad Jamal dalam buku Rupa dan Jiwa (1992) menyatakan:

"Bangunan masjid di Semenanjung Malaysia diperindahkan dengan ukiran kayu. Antara negeri yang memberi tumpuan seni kepada bangunan ini ialah negeri Melaka, yang terkenal dengan seni bina masjidnya yang mempunyai sifat tradisi tempatan yang tersendiri. Masjid-masjid di negeri Melaka kaya dengan ukiran kayu yang indah, dengan kesempurnaan kemasannya".

Oleh yang demikian, keindahan Masjid Tengker di negeri Melaka yang menjadi subjek utama kajian ini adalah berketepatan dalam menganalisa identiti gaya reka bentuk seni bina masjid di negeri Melaka.


## Konsep Tauhid Dalam Reka Bentuk Seni Bina Masjid Tengker, Melaka Elemen Kontekstual

Menyingkap kepada sejarah nusantara, Masjid Tengker dibina sekitar tahun 1728 dan memperlihatkan tentang kewujudan agama Islam telah mula bertapak di negeri Melaka sejak 600 tahun dahulu. Masjid ini terletak dalam daerah Melaka Tengah, negeri Melaka dan merupakan warisan seni bina Negara Malaysia. Sentuhan keindahan seni bina Masjid Tengker ini dipengaruhi oleh ideologi Islami yang berperanan penting dalam penyebaran dan perkembangan syiar Islam dikalangan masyarakat di alam Melayu nusantara. Selain daripada itu, syiar Islam di nusantara juga telah membawa perubahan terhadap kehidupan sosial

dan memberi impak dalam corak pemikiran, jiwa serta rohani masyarakat Melayu yang lebih cenderung memartabatkan ideologi Islam. Oleh yang demikian, hasil pemerhatian yang dijalankan mendapati seni bina Masjid Tengkeria mengekspresikan elemen kontekstual yang berketepatan dengan konsep tauhid dengan peranan utama pembinaanya sebagai medium penyebaran agama Islam yang diturunkan kepada manusia oleh Allah S.W.T sebagai panduan hidup di muka bumi.



**Gambar 1** : Masjid Tengkeria, Melaka.



**Gambar 2** : Ruang dalaman Masjid Tengkeria, Melaka.

## Elemen Formalistik

Elemen formalistik adalah Hasil observasi terhadap masjid yang dibina sekitar 1141 Hijrah ini juga mendapati terdapat sentuhan karakter seni bina vernakular yang merupakan ciri formalistik utama dalam reka bentuk masjid di negeri Melaka. Seni bina vernakular merupakan struktur binaan masjid tanpa kubah dan ia didominasi oleh bentuk atap yang ditranformasikan dari ciri bumbung piramid bertingkat. Seni bina vernakular

ini bukan sahaja unik malah turut berperanan penting dalam menstabilkan suhu kediaman terutama ketika musim panas. Disamping itu, seni bina vernakular ini adalah sangat sinonim dengan karakter seni bina kediaman tradisional Melayu yang terdapat di serantau nusantara. Ini jelas dapat dilihat menerusi sisipan bentuk bumbung yang hampir sama dengan bentuk bumbung Rumah Limas dan Istana Sultan Mansur.



**Gambar 3** : Struktur binaan atap yang ditranformasikan dari ciri bumbung piramid bertingkat .

Terdapat juga garapan spektrum kebudayaan luar yang memperhalusi keindahan elemen formalistik reka bentuk seni bina Masjid Tengkeria di negeri Melaka ini. Kewujudan pengaruh kesenian kebudayaan luar pada struktur seni bina masjid ini adalah disebabkan oleh beberapa faktor yang telah dikenalpasti dan diantaranya adalah kerana faktor asimilasi dan akulturasi kebudayaan yang berlaku oleh faktor lokasi perdagangan di selat Melaka yang menghubungkan negara timur dan barat padazaman dahulu serta pengaruh kolonial Barat dalam sistem politik serta pentadbiran negara yang membawa imigrasi masyarakat Cina ke Tanah Melayu. Menurut Syed Ahmad Jamal (2007) bahawa;

*“Colonial and European influences are also evident in their woodcraft.*

*In comparison, later 19th-century Chinese migrants favoured more purely Sinic forms and motifs”.*

Penyataan di atas diperkukuhkan dengan keindahan struktur binaan menara Masjid Tengkeru yang sama dengan reka bentuk pagoda yang merupakan warisan kesenian seni bina kebudayaan Negara China.



**Gambar 4** : Struktur menara berbentuk pagoda Masjid Tengkeru, Melaka yang ditransformasikan dari ciri seni bina kebudayaan Negara China.

Selain dari itu, hasil observasi yang dijalankan mendapati reka bentuk hiasan motif pada mimbar Masjid Tengkeru ini juga memperlihatkan garapan motif serta penggunaan warna merah dan kuning keemasan yang merupakan simbolik kebudayaan masyarakat Cina. Malah terdapat juga penggunaan hiasan jubin pada bahagian dinding masjid ini yang secara ikoniknya memaparkan ciri-ciri reka bentuk seni bina dari kebudayaan masyarakat Cina. Seni hiasan jubin ini secara langsung menjadi identiti reka bentuk seni bina masjid di negeri Melaka.



**Gambar 5** : Pengaruh kebudayaan Cina dalam reka bentuk hiasan motif pada mimbar, Masjid Tengkeru, Melaka.



**Gambar 6** : Pengaruh kebudayaan Cina menurusi reka bentuk hiasan jubin pada dinding, Masjid Tengkeru, Melaka.



**Gambar 7** : Pengaruh kebudayaan Cina menurusi reka bentuk hiasan jubin pada dinding, Masjid Tengkeru, Melaka.

Turut dikenalpasti adalah kesan penjajahan masyarakat Barat melalui spektrum seni deco pasca-modernisme menerusi sisipan penggunaan medium bata untuk struktur konkrit serta aplikasi media plaster bagi kemasakan dekorasi pada dinding Masjid Tengkeru yang jelas dipaparkan seperti berikut:



**Gambar 8** : Struktur binaan konkrit dari medium bata dan media plaster bagi kemasakan dekorasi pada dinding, Masjid Tengkeru, Melaka.

## Proses Kreatif

Kupasan sistematik proses kreatif dalam analisa formalistik konsep tauhid ini adalah merupakan mekanisme pencerahan dalam mengetengahkan ideologi Islami sebagai teori asas pemahaman gaya dan apresiasi seni dalam reka bentuk kesenian Islam di alam Melayu. Fokus utama empat proses kreatif ini adalah menterjemahkan ideologi Islami dalam proses perkembangan idea dari sumber inspirasi alam semula jadi kepada reka bentuk imej yang tidak menyamai keindahan dan keagungan ciptaan Allah S.W.T.

Sorotan dari itu, hasil penyelidikan yang dijalankan mendapati proses imitasi alam semula jadi atau dalam istilah barat dikenali sebagai *imitation of nature* telah dijadikan sebagai kaedah pertama dalam pengolahan idea bagi reka bentuk Masjid Tengkeria ini. Proses imitasi alam semula jadi ini dapat diterjemahkan sebagai proses peniruan atau proses mengangkat keagungan ciptaan Allah S.W.T. sebagai sumber inspirasi dalam berkarya.

Secara asasnya, seniman muslim mengaplikasikan proses imitasi ini kerana mereka menyedari bahawa setiap cetusan idea dan buah fikiran dalam penghasilan kesenian Islam adalah kurnian Allah S.W.T dan tidak mungkin serta mustahil ditandingi oleh manusia.

Apabila unsur-unsur alam semula jadi seperti flora dan fauna yang telah melalui proses kreatif yang pertama, kebiasaannya akan melalui proses kreatif yang kedua, iaitu stilisasi alam semula jadi. Proses stilisasi alam semula jadi (*stylization of nature*) yang merupakan peringkat kedua dalam perkembangan idea adalah merupakan proses menggayakan atau mengubah objek

dari sumber inspirasi alam semula jadi kearah bentuk yang tidak menyamai ciri realistik fizikal ciptaan Allah S.W.T.


Aliran pengolahan idea dengan aplikasi proses ini akan menyederhanakan bentuk asal tanpa meninggalkan karakter bentuk aslinya. Ini secara langsung menzahirkan dan mengukuhkan tanda kebesaran ciptaan Tuhan yang maha Esa. Menurut Syed Ahmad Jamal (2007) dalam buku tulisannya, *Crafts And The Visual Arts*:

*"Wooden window of the Tengkeria Masjid in Melaka featuring floral and tendril patterns in the panels and carved railings".*

Oleh yang demikian, hasil analisa proses imitasi dan stilisasi alam semula jadi mendapati bahawa terdapat variasi motif ragam hias pada ukiran kayu mahupun hiasan jubin yang diperhalusi pada reka bentuk seni bina Masjid Tengkeria di negeri Melaka. Diantara reka bentuk ragam hias dari inspirasi alam flora yang dikenalpasti adalah motif pucuk rebung, motif awan larat dan motif sulur.



**Gambar 9** : Motif pucuk rebung pada ukiran tiang kayu Masjid Tengkeria, Melaka.



**Gambar 10 :** Motif awan larat pada ukiran tingkap kayu Masjid Tengker, Melaka.



**Gambar 11 :** Motif sulur pada hiasan jubin Masjid Tengker, Melaka.

Merujuk kepada hasil analisa yang didapati juga, turut memperjelaskan bahawa setiap elemen estetika yang diilhamkan dalam reka bentuk seni bina Masjid Tengker ini adalah merupakan bentuk pengukuhan alam semula jadi, yang seterusnya menterjemahkan kepada aliran proses perkembangan idea yang ke tiga iaitu tranformasi penyesuaian alam semula jadi atau turut dikenali sebagai proses *denaturalization*.


Melalui proses penyesuaian alam semula jadi, bentuk-bentuk yang diwujudkan adalah tidak sama sekali menyerupai ciptaan Allah S.W.T. dan secara simbolik menggambarkan kebijaksanaan Ilahi dengan kurniaan-Nya melalui ideologi tauhid yang

berfungsi sebagai panduan kepada seniman muslim dalam berkarya.

Oleh itu dapat diistilahkan disini bahawa proses *denaturalization* adalah merupakan proses menggabungkan ciri-ciri organik yang telah diolah dalam proses imitasi dan stilisasi dengan ciri-ciri fizikal visual yang bersifat geometrik dalam membentuk satu gubahan pola lengkap ragam hias. Menurut Syed Ahmad Jamal (2007) berkenaan motif geometrik dalam kesenian Islam menyatakan bahawa:

*“Geometric design may appear on their own or in combination with others pattern such as flowers or foliage and have been used even from pre-Islamic times. Common motifs include triangles, squares, octagons and hexagons, circles and the swastika”.*


Berikut adalah hasil analisa dan penemuan reka bentuk motif pada Masjid Tengker yang mencerminkan olahan idea bagi proses kreatif yang ketiga iaitu penyesuaian alam semula jadi (*denaturalization of nature*).




**Gambar 12 :** Gabungan motif bentuk organik dan geometrik dalam satu gubahan pola ragam hias pada mimbar Masjid Tengker, Melaka.

Selain daripada itu, dalam ideologi konsep tauhid, terdapat juga proses kreatif abstraksi yang merupakan peringkat terakhir dalam penjanaaan idea. Proses abstraksi dapat didefinisikan sebagai proses olahan idea yang menfokuskan kepada gubahan bentuk asal menjadi komposisi reka bentuk struktur modular yang bersifat organik mahu pun geometrik yang seterusnya menzahirkan ciri-ciri kesenian Islami atau turut dikenali sebagai *Ummayyad*.

Oleh yang demikian hasil penelitian terhadap reka bentuk seni bina Masjid Tengkeria melalui proses kreatif abstraksi mendapati terdapat sentuhan gabungan komposisi ragam hias bentuk geometrik dan organik yang diperlihatkan dalam satu gubahan struktur modular lengkap. Ia digambarkan melalui kehalusan kesenian ukiran tradisi pada bahagian tingkap dan pintu masjid berkenaan. Berikut adalah dapatan analisa bagi proses kreatif abstraksi.



**Gambar 13** : Komposisi struktur modular bagi bentuk organik dan geometrik pada ragam hias tingkap Masjid Tengkeria, Melaka.



**Gambar 14** : Komposisi struktur modular bagi bentuk organik dan geometrik pada ragam hias pintu Masjid Tengkeria, Melaka.

Berdasarkan *Gambar 13* dan *Gambar 14* di atas telah memperlihatkan gubahan komposisi struktur modular lengkap yang diharmonikan dengan gabungan kehalusan reka bentuk ragam hias organik yang diwakili dengan lakaran garisan berwarna hijau dan ragam hias geometrik yang diwakili dengan lakaran garisan berwarna merah. Kedua-dua komposisi struktur modular berkenaan jelas mengukuhkan bahawa, estetika seni bina Masjid Tengkeria di negeri Melaka telah mengangkat keindahan konsep tauhid dalam proses penjanaaan idea bagi reka bentuk pembinaan dalam kesenian *Ummayyad*.

## Kesimpulan

Konsep tauhid merupakan tunjang kepada reka bentuk kesenian Islam yang secara tidak langsung mengangkat keagungan dan kebijaksanaan Allah S.W.T. yang maha pencipta. Hasil kajian yang dijalankan adalah berfungsi mendokumentasikan keindahan reka bentuk seni bina Masjid Tengkeria di negeri Melakayang dipilih sebagai subjek kajian utama dengan aplikasi konsep tauhid.

Diharapkan aplikasi kajian penggunaan konsep tauhid ini menjadi medium pencerahan dalam mengetengahkan ideologi Islami sebagai teori asas pemahaman gaya dan apresiasi seni tradisional Melayu nusantara. Pada masa yang sama, turut berperanan sebagai mekanisma penjanaaan model identiti bagi gaya reka bentuk seni bina masjid di negeri Melaka dengan kupasan berkenaan aspek-aspek keindahan estetika yang terkandung

dalam proses pembangunannya. Seterusnya memelihara warisan tradisi negara dan mengangkat kesenian Islam nusantara di mata dunia. Memetik kata-kata Mohamad Tajuddin Rasdi (2001):

“Hasil senibina pada waktu itu dengan sendirinya melambangkan *spirit of times* atau jiwa sezaman dan *spirit of place* atau jiwa setempat”.

## Bibliografi

Ludeman, L. C. (1987). *Fundamental of Digital Signal Processing*. Singapore: John Wiley & Sons Inc.

Muhammad, A. J. B. (1981). *A Journey through Islamic History*. United Kingdom: Kube Publishing Ltd.

Mohamad, T. R. (2001). *Identiti Seni Bina Malaysia: Kritikan Terhadap Pendekatan Reka Bentuk*. Kuala Lumpur: Penerbit UTM.

Sulaiman, E. (1992). *The Islamic Roots of Traditional Malay Art, in the art catalogue of Identiti Islam Dalam Senirupa Malaysia*.

Syed, M. N. A. (1984). *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbit UKM.

Syed, M. N. A. (1969). *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of the Malay-Indonesian Archipela*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed, A. J. (1992). *Rupa dan Jiwa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Syed, A. J. (2007) *Crafts And The Visual Arts*. Kuala Lumpur: Editions Dedier Millet.

<http://www.itc.gov.my/mosque/masjid-tengkera-tranquerah-mosque/>

<http://bujangmasjid.blogspot.my/2010/12/masjid-tengkera-malaka.html>






UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Fakulti  
Seni Lukis  
& Seni Reka



Universiti Teknologi MARA, Cawangan Melaka

ISSN 2637-0115



9 772637 011001